

Larian amal beri kesedaran, sokong pesakit kanser

BATU PAHAT - Bagi meningkatkan kesedaran warga kampus dan masyarakat sekitar mengenai bahaya penyakit kanser, seramai 300 peserta menyertai *Strive For Life Charity Run* yang diadakan 9 Disember lalu di Dewan Terbuka, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Penyelaras Teras Khidmat Masyarakat Festival Kokurikulum Mahasiswa 2016 (Fieskom) UTHM, Ahmad Khirul Nizam Ali berkata, program diadakan dengan kerjasama Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor itu juga bertujuan mengumpul sukarelawan bagi membantu dan menyokong pesakit kanser.

Menurutnya, larian dilepaskan Setiausaha Jawatankuasa Teknikal, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Rosli Itsnin dan Timbalan Dekan, Jabatan Kokurikulum, Pusat Pengajian Umum dan



Antara peserta yang menyertai *Strive For Life Charity Run*, baru-baru ini.

Kokurikulum, UTHM, Dr Mohd Khir Mohd Nor.

"Larian ini terbahagi kepada empat kategori iaitu Terbuka Lelaki, Terbuka Perempuan, Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan dengan jarak larian lima kilometer

"Di samping itu, *Fun Run* turut diadakan di mana peserta hanya berlari satu kilometer bersama-sama bekas pesakit kanser," katanya.

Tambahnya, larian turut disertai ahli keluarga kakita-

ngan UTHM dan pelajar yang mengambil Kursus Kokurikulum pada semester satu sesi 2016/17.

Ahmad Khirul berkata, sebahagian hasil daripada penganjuran itu akan dihermakan kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor yang akan diserahkan kepada Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah pada majlis penutup Fieskom 2016 nanti.